

# Peranan Bahasa Mandarin dalam Interaksi dengan Komuniti Cina: Kajian di MACMA Kedah dan Pulau Pinang

*(The Role of Mandarin in Interactions with the Chinese Community: A Study of MACMA in Kedah and Penang)*

Tan Hua An<sup>1\*</sup>, Tan Tiam Lai<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

\*Pengarang Koresponden: [hatan@unikl.edu.my](mailto:hatan@unikl.edu.my)

Received: 29 January 2026 | Accepted: 8 March 2026 | Published: 1 April 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2026.8.1.5>

---

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) di Kedah dan Pulau Pinang serta kesannya terhadap komuniti sasaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur melibatkan empat orang responden yang aktif dalam persatuan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Mandarin digunakan secara meluas dalam aktiviti persatuan, kelas pengajian, komunikasi harian dan program sosial. Dalam aktiviti dan program yang melibatkan pelbagai kaum, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar untuk memastikan keterangkuman dan mengelakkan jurang komunikasi. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan penggunaan bahasa Mandarin bukan sahaja berkesan dalam menyampaikan dakwah, tetapi juga berperanan sebagai medium komunikasi yang menyokong interaksi sosial, memperkukuh hubungan silaturahim, memelihara identiti budaya serta meningkatkan pemahaman terhadap ajaran agama dalam kalangan Cina Muslim dan komuniti Cina bukan Muslim.*

**Kata Kunci:** bahasa Mandarin, MACMA, Cina Muslim

**Abstract:** *This study aims to examine the use of Mandarin in activities and programs organized by the Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) in Kedah and Penang, as well as its impact on the target communities. The study employed a qualitative approach through semi-structured interviews involving four active respondents from the association. The findings indicate that Mandarin is widely used in activities, educational classes, daily communication, and social programs. In activities and programs involving participants from multiple ethnic backgrounds, Malay is used as the main medium of instruction to ensure inclusivity and to prevent communication gaps. Overall, the study demonstrates that the use of Mandarin is not only effective in delivering Islamic teachings, but also serves as a communication medium that supports social interaction, strengthens bonds of kinship, preserves cultural identity, and enhances understanding of religious knowledge among Chinese Muslims and the Chinese non-Muslim community.*

**Keywords:** Mandarin, MACMA, Chinese Muslim

---

## 1. Pengenalan

Bahasa berperanan sebagai medium komunikasi utama dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, khususnya dalam konteks interaksi antara budaya dan agama. Pemilihan bahasa yang sesuai dalam aktiviti dakwah memainkan peranan penting dalam memastikan mesej dapat disampaikan secara berkesan dan difahami oleh komuniti sasaran tanpa menimbulkan salah faham budaya. Bahasa Mandarin, sebagai bahasa ibunda komuniti Cina mempunyai potensi besar sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan mesej dakwah mahupun memperkukuh interaksi sosial antara pendakwah dan komuniti Cina.

Walaupun kepentingan penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dakwah kepada komuniti Cina telah dibincangkan dalam kajian lepas, peranan bahasa tersebut dalam interaksi sosial di peringkat komuniti setempat masih kurang diberi perhatian. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan bahasa Mandarin dalam interaksi MACMA dengan komuniti Cina di Kedah dan Pulau Pinang, termasuk bentuk penggunaannya dalam aktiviti dan program yang dianjurkan, cabaran yang dihadapi serta implikasinya terhadap komuniti sasaran. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran jelas tentang peranan bahasa Mandarin dalam memperkukuh dakwah dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

## 2. Latar Belakang Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)

Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan secara rasmi pada 8 September 1994 dengan matlamat menjaga kebajikan masyarakat Cina Muslim dan melaksanakan aktiviti dakwah dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Penubuhan MACMA bertujuan untuk menggembelng usaha dakwah secara lebih terancang dan berfokus dengan mengambil kira latar budaya dan bahasa masyarakat Cina.

Dalam melaksanakan peranannya, MACMA menjalankan pelbagai program pendidikan dan bimbingan agama, termasuk kelas Fardu Ain dan bimbingan lanjutan yang disampaikan dalam pelbagai bahasa, khususnya bahasa Mandarin. Di samping itu, MACMA juga menyediakan bantuan kebajikan dan perkhidmatan kaunseling kepada ahlinya serta menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan bukan Muslim.

Seiring dengan peranannya sebagai organisasi dakwah, MACMA turut berfungsi sebagai medium penghubung antara masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat umum, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui penggunaan bahasa yang sesuai dengan komuniti sasaran, MACMA berusaha membina interaksi yang lebih berkesan dan harmoni antara pendakwah dan komuniti Cina.

### 2.1 Objektif Utama MACMA Malaysia

- 1) Membangunkan masyarakat Cina Muslim menjadi satu ummah yang bertaqwa dan berilmu serta mewakili dan menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan mereka dalam segala aspek termasuk bimbingan, kebajikan, latihan dan pendidikan, sokongan moral dan pembangunan ekonomi.
- 2) Membantu dan menjadi pihak penyatuan dalam menyemai pengetahuan, kesedaran diri, pengislahan diri terhadap penghayatan Islam serta menjadi penyebar dan pemangkin dakwah Islamiah kepada masyarakat Cina yang belum memeluk Islam.

- 3) Mengukuhkan tali persaudaraan di antara kaum Cina Muslim Malaysia dengan Muslim dari kaum lain di dalam Malaysia.

## **2.2 Keahlian MACMA Malaysia**

Ahli-ahli MACMA Malaysia terbahagi kepada dua jenis keahlian:

- 1) Ahli Biasa & Ahli Seumur Hidup – Rakyat Malaysia yang beragama Islam dan berketurunan Cina yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh memohon menjadi ahli dan layak untuk mengundi atau memegang jawatan dalam persatuan.
- 2) Ahli Bersekutu – Rakyat Malaysia yang beragama Islam dari keturunan bangsa lain yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh memohon menjadi ahli tetapi tidak layak untuk mengundi atau memegang jawatan persatuan.

## **3. Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) di Kedah dan Pulau Pinang serta kesannya terhadap komuniti sasaran.

## **4. Ulasan Kajian Lepas**

Penggunaan bahasa asing, khususnya bahasa Mandarin oleh pendakwah dalam kalangan komuniti Cina merupakan suatu amalan yang sering diamalkan di Malaysia. Bahasa berperanan penting sebagai medium komunikasi yang berkesan dalam membina hubungan serta memudahkan interaksi antara pendakwah dan komuniti sasaran. Nur Aisyah dan Phayilal (2018) menyatakan bahawa bahasa asing boleh berfungsi sebagai bahasa pengantaraan dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat pelbagai kaum dan latar bahasa. Fuad (2015) pula menyatakan bahawa kesalahan penggunaan bahasa boleh menyebabkan kegagalan dakwah yang dijalankan.

Menurut Zulaikha Farhana et al. (2015), bahasa merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh sesetengah Cina Muslim, terutamanya apabila mereka kurang mahir dalam bahasa Melayu. Keadaan ini boleh menjejaskan proses komunikasi harian, khususnya ketika sesi pembelajaran agama. Justeru itu, pelbagai agensi telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan pengajaran agama dalam bahasa Mandarin, Inggeris dan Tamil bagi memudahkan pemahaman. Kajian ini menunjukkan bahawa isu bahasa menjadi faktor penting yang mempengaruhi kefahaman Cina Muslim dalam konteks pembelajaran agama.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Roslieza Rosli & Dr. Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2016) mendapati bahawa Cina Muslim di Kelantan tidak menghadapi masalah komunikasi yang ketara kerana penggunaan dialek Hokkien Kelantan yang telah bercampur dengan dialek tempatan dan bahasa Siam dalam pertuturan harian mereka. Perbezaan ini menunjukkan bahawa cabaran bahasa yang dihadapi oleh komuniti Cina Muslim adalah bergantung kepada konteks sosiolinguistik setempat.

Sehubungan itu, kajian di MACMA Kedah dan Pulau Pinang ini penting untuk memahami bagaimana konteks bahasa yang berbeza (dominan bahasa Mandarin di Kedah, dominan dialek Hokkien di Pulau Pinang) mempengaruhi strategi komunikasi dan interaksi sesebuah organisasi dengan komuniti sasarannya.

Selain itu, kajian mengenai penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) telah mendapat perhatian ramai penyelidik, terutamanya dari sudut dakwah dan komunikasi antara budaya. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa bahasa Mandarin berperanan penting sebagai medium dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat umum, khususnya komuniti Cina. Nur Aisyah et al. (2019) menyatakan bahawa penggunaan bahasa asing, termasuk bahasa Mandarin, bukanlah sesuatu yang baharu dalam strategi dakwah. Bahasa ini berfungsi sebagai pemudahcara untuk menyampaikan maklumat secara efektif kepada komuniti Cina. Justeru itu, penguasaan bahasa Mandarin dianggap sebagai elemen penting dalam memperkukuh komunikasi dan interaksi antara pendakwah dengan komuniti sasaran.

Nur Aisyah et al. (2019) dalam kajiannya telah mengupas kepentingan bahasa Mandarin sebagai medium dakwah yang digunakan oleh organisasi seperti PERKIM, YADIM dan MACMA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Mandarin bukan sahaja berkesan dalam menyampaikan maklumat kaagamaan, malah berperanan dalam memupuk komunikasi antara budaya dan memperkukuh keharmonian antara kaum. Walau bagaimanapun, kajian tersebut turut mengenal pasti beberapa cabaran seperti kekangan sumber kewangan dan kekurangan sukarelawan, sekali gus menunjukkan keperluan untuk mempertingkatkan kerjasama dan sokongan demi memastikan keberkesanan aktiviti dakwah yang dijalankan.

Di samping itu, kajian Safinah et al. (2021) turut menumpukan perhatian terhadap keberkesanan penggunaan bahasa Mandarin sebagai medium penyampaian dakwah oleh MACMA. Dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan tersebut adalah tepat dan sesuai dalam menyampaikan mesej dakwah kepada komuniti Cina. Kajian berkenaan mendapati bahawa MACMA mengaplikasikan pelbagai pendekatan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah, antaranya penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Mandarin, penganjuran program pendidikan, karnival makanan halal dan penggunaan media massa. Usaha ini bertujuan memastikan penyampaian dakwah dapat dilaksanakan secara lebih efektif, di samping meningkatkan kefahaman agama dan memperkukuh hubungan silaturahim antara kaum. Sehubungan itu, kajian ini juga mencadangkan agar para pendakwah mempertingkatkan penguasaan bahasa Mandarin bagi meluaskan jangkauan dan keberkesanan dakwah.

Secara keseluruhannya, kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Mandarin memainkan peranan penting dalam memudahkan komunikasi dan interaksi sosial antara pendakwah dengan komuniti Cina, khususnya dalam konteks aktiviti dakwah dan kemasyarakatan yang dijalankan oleh MACMA. Walaupun pelbagai kajian telah menekankan keberkesanan bahasa Mandarin sebagai medium penyampaian maklumat dan dakwah, kajian yang memfokuskan secara khusus kepada peranan bahasa Mandarin dalam interaksi sosial di peringkat komuniti setempat di Kedah dan Pulau Pinang masih terhad. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan mengkaji peranan bahasa Mandarin dalam interaksi MACMA dengan komuniti Cina di Kedah dan Pulau Pinang.

## **5. Metodologi**

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bagi meneroka peranan bahasa Mandarin dalam interaksi MACMA dengan komuniti Cina di Kedah dan Pulau Pinang. Pendekatan kualitatif dipilih kerana pendekatan ini sesuai untuk memahami secara mendalam pengalaman, pendapat dan amalan penggunaan bahasa Mandarin dalam konteks sosial dan dakwah. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan dalam pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat daripada responden.

Persampelan bertujuan digunakan bagi memilih responden yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan penglibatan aktif dalam aktiviti dan program MACMA. Seramai empat orang responden telah dipilih, terdiri daripada dua orang ahli jawatankuasa MACMA Kedah dan dua orang pendakwah aktif MACMA Pulau Pinang.

Temu bual yang dijalankan merangkumi soalan berkaitan situasi penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dan program MACMA, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya serta penerimaan dan respons komuniti Cina Muslim dan bukan Muslim terhadap penggunaan bahasa tersebut.

Aspek etika penyelidikan turut diberi perhatian dengan mendapatkan persetujuan responden sebelum temu bual dijalankan. Sebagai langkah kerahsiaan, identiti responden tidak didedahkan dan dirujuk menggunakan kod seperti Responden A dan Responden B (MACMA Kedah) dan Responden C dan Responden D (MACMA Pulau Pinang) sepanjang laporan kajian ini.

## **6. Dapatan Kajian**

### **6.1 Penggunaan Bahasa Mandarin dalam Aktiviti dan Program MACMA Kedah**

Satu sesi temu bual telah diadakan pada 22 Februari 2025 (Sabtu) pada pukul 12.00 tengah hari di Pejabat Taman Permai Jitra. Temu bual ini melibatkan dua orang responden utama iaitu Responden A dan Responden B.

Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Kedah yang ditubuhkan pada 19 Ogos 2004 telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program termasuk kelas agama, bengkel akidah dan aktiviti sosial yang menggunakan bahasa Mandarin. Pendekatan ini membantu muafak (Cina Muslim) memahami Islam dengan lebih baik dan menarik minat komuniti Cina bukan Muslim untuk mengenali agama ini.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa muafak yang menjadi ahli MACMA di Kedah berusaha sedaya upaya menggunakan bahasa Mandarin dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan. Penggunaan bahasa ini bukan sahaja memudahkan penyampaian maklumat dalam kalangan ahli, malah turut berperanan mengukuhkan hubungan silaturahim dan memelihara identiti budaya mereka. Bahasa Mandarin menjadi medium utama dalam aktiviti rasmi, program persatuan serta komunikasi harian sesama ahli, menjadikannya elemen penting dalam mempererat kerjasama komuniti.

Walau bagaimanapun, apabila aktiviti atau program melibatkan penyertaan muslimin dan muslimat daripada pelbagai kaum, bahasa Melayu lazimnya digunakan sebagai bahasa pengantar utama. Langkah ini bertujuan memastikan penyampaian maklumat yang jelas dan mengelakkan jurang komunikasi, salah faham atau kekeliruan. Pendekatan ini menunjukkan sikap saling hormat-menghormati dan toleransi antara kaum, sekaligus memperkukuh perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Dalam aktiviti tidak rasmi atau perbualan santai antara ahli, terutamanya ketika menghadiri program di luar waktu rasmi, bahasa Mandarin tetap menjadi pilihan utama. Keakraban sesama ahli memudahkan komunikasi yang lebih mesra dan berkesan melalui penggunaan bahasa ibunda. Situasi ini dapat diperhatikan dalam perbualan harian, perjumpaan tidak rasmi dan aktiviti santai yang dianjurkan oleh persatuan.

Selain itu, MACMA Kedah turut memanfaatkan bahasa Mandarin sebagai alat bantu pengajaran dalam sesi pembelajaran yang dianjurkan. Sekiranya peserta menghadapi kesukaran memahami istilah atau konsep tertentu, penjelasan akan diberikan dalam bahasa Mandarin. Pendekatan ini bukan sahaja membantu peserta memahami topik yang dibincangkan dengan lebih baik, tetapi juga menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam proses pembelajaran.

Di samping penganjuran aktiviti dan program berbentuk komuniti, MACMA Kedah turut menyediakan pelbagai bahan bacaan dan rujukan dalam versi bahasa Mandarin di pejabat persatuan. Bahan bacaan ini disediakan khusus untuk kegunaan para pengunjung, termasuk golongan bukan Muslim, dengan tujuan memberi peluang kepada mereka memahami dan mendalami ilmu berkaitan agama Islam secara umum serta mengenali komuniti muallaf secara khusus.

Inisiatif ini bukan sahaja dapat memperluaskan pengetahuan para pembaca, malah berperanan sebagai jambatan penghubung antara komuniti setempat melalui perkongsian maklumat yang bermanfaat. Kehadiran bahan bacaan berbahasa Mandarin ini diharapkan dapat menarik minat lebih ramai individu, terutamanya mereka yang ingin memahami dengan lebih mendalam tentang budaya dan kehidupan komuniti muallaf. Usaha ini mencerminkan inisiatif proaktif MACMA Kedah dan memperlihatkan keterbukaan persatuan dalam menerima kehadiran masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya.

Secara keseluruhannya, penggunaan bahasa Mandarin dan bahasa Melayu dalam aktiviti dan program anjuran MACMA Kedah menunjukkan keanjalan komunikasi dalam kalangan ahli persatuan. Usaha ini mencerminkan kepekaan mereka terhadap keperluan komuniti sekeliling tanpa mengabaikan identiti budaya sendiri, sekali gus memperkukuh hubungan harmoni dalam masyarakat berbilang kaum.

## **6.2 Penggunaan Bahasa Mandarin dalam Aktiviti dan Program MACMA Pulau Pinang**

Satu sesi temu bual telah diadakan pada 3 Mac 2025 (Isnin) pada pukul 3 petang di Pejabat MACMA Bukit Mertajam. Temu bual ini melibatkan dua orang responden utama iaitu Responden C dan Responden D.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati bahawa MACMA Pulau Pinang telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program termasuklah Jamuan Sambutan Tahun Baharu Cina, Sambutan Perayaan Kueh Bulan dan Dongzhi Amal Rahmah. Penganjuran aktiviti dan program ini menunjukkan muallaf masih boleh meraikan perayaan Cina yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Aktiviti dan program yang dianjurkan oleh MACMA Pulau Pinang lazimnya menjemput peserta Muslim dan bukan Muslim daripada pelbagai kaum. Justeru itu, bahasa Melayu akan digunakan secara rasmi untuk memudahkan pemahaman dan komunikasi semua peserta. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu boleh mengeratkan hubungan silaturahim antara komuniti Muslim dan bukan Muslim dan seterusnya memperkukuhkan perpaduan antara kaum.

Walau bagaimanapun, muallaf biasanya akan menggunakan dialek Hokkien semasa berinteraksi sesama sendiri atau dengan tetamu bukan Muslim. Ini disebabkan kaum Cina di Pulau Pinang rata-ratanya menggunakan dialek Hokkien dalam komunikasi dan perbualan seharian. Hal ini disebabkan dominasi penggunaan dialek tersebut dalam komuniti Cina di negeri ini.

Dalam konteks komunikasi bahasa, temu bual ini mendedahkan bahawa Bahasa Melayu merupakan medium utama dalam aktiviti dan program anjuran MACMA Pulau Pinang. Hal ini bertujuan untuk memastikan pemahaman dan menyenangkan komunikasi dalam kalangan peserta daripada pelbagai kaum. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Mandarin dalam aktiviti dan program adalah terhad.

Salah satu program yang menunjukkan penggunaan dialek Hokkien secara ketara ialah "Bimbingan Muallaf Dari Rumah ke Rumah". Dalam program ini, Responden C memainkan peranan sebagai pembimbing dan pendakwah utama. Menurut beliau, meskipun beliau tidak fasih dalam bahasa Mandarin, penggunaan dialek Hokkien tidak menjadi penghalang dalam menyampaikan ilmu kepada para muallaf. Ini menunjukkan bahawa selain Bahasa Melayu, dialek Hokkien turut memainkan peranan penting dalam memberikan bimbingan kepada muallaf dalam memahami ajaran Islam.

Walau bagaimanapun, Responden C turut menyatakan bahawa terdapat seorang pembimbing separuh masa yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan menggunakan bahasa tersebut dalam sesi bimbingan. Keadaan ini mencerminkan bahawa bahasa Mandarin juga mempunyai peranan dalam aktiviti dan program MACMA Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, temu bual ini menunjukkan bahawa MACMA Pulau Pinang mengadaptasi penggunaan pelbagai bahasa dalam aktiviti dan program, bergantung kepada keperluan komunikasi dan latar belakang peserta. Bahasa Melayu kekal sebagai bahasa utama, namun dialek Hokkien dan bahasa Mandarin turut digunakan sebagai medium komunikasi alternatif dalam kalangan muallaf dan komuniti Cina bukan Muslim.

## **7. Perbincangan**

Kajian mendapati bahawa di MACMA Kedah, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam aktiviti dan program yang melibatkan peserta pelbagai kaum demi memastikan pemahaman yang jelas. Ini mencerminkan kepekaan MACMA terhadap kepelbagaian budaya dan memupuk toleransi antara kaum. Walau bagaimanapun, bahasa Mandarin digunakan secara meluas dalam pelbagai aktiviti termasuk komunikasi harian, sesi pembelajaran dan program rasmi persatuan juga. Penggunaan bahasa ini memudahkan penyampaian maklumat, meningkatkan penglibatan ahli, dan memelihara identiti budaya komuniti Cina Muslim.

Di MACMA Pulau Pinang, bahasa Melayu kekal sebagai bahasa utama dalam aktiviti dan program yang melibatkan pelbagai kaum, manakala dialek Hokkien dan bahasa Mandarin digunakan secara alternatif mengikut latar belakang peserta dan kepakaran pendakwah. Bahasa Mandarin digunakan secara terhad, khususnya oleh pendakwah yang fasih, sementara dialek Hokkien berperanan dalam bimbingan Cina Muslim tempatan. Pendekatan ini memastikan komunikasi berkesan dalam konteks masyarakat majmuk serta memudahkan interaksi antara pendakwah dan peserta. Pendekatan ini menunjukkan adaptasi MACMA Pulau Pinang terhadap konteks sosio-linguistik tempatan bagi memastikan penyampaian maklumat dan interaksi yang efektif.

Secara keseluruhan, kedua-dua cawangan MACMA menunjukkan penggunaan bahasa yang fleksibel dalam aktiviti dan program mengikut konteks dan keperluan komuniti. Bahasa Mandarin berperanan penting dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti Cina Muslim, manakala dialek tempatan dan bahasa Melayu digunakan untuk memastikan komunikasi efektif

dalam konteks masyarakat majmuk. Ini mencerminkan fleksibiliti MACMA dalam menyesuaikan komunikasi mengikut golongan sasaran dan kepakaran pendakwah serta adaptasi MACMA terhadap sosio-linguistik tempatan. Pendekatan ini memudahkan interaksi antara pendakwah dan komuniti, memelihara identiti budaya serta menyokong perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia.

## 8. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa bahasa Mandarin memainkan peranan penting dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh MACMA di Kedah dan Pulau Pinang, terutamanya dalam memudahkan penyampaian dakwah, mengukuhkan komunikasi serta memelihara identiti budaya komuniti. Bahasa Mandarin digunakan secara meluas dalam aktiviti persatuan, komunikasi harian, sesi pembelajaran dan perbualan santai. Pendekatan ini telah meningkatkan penglibatan ahli dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

Dalam program yang melibatkan peserta pelbagai kaum, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama bagi memastikan pemahaman yang jelas dan memupuk sikap saling menghormati serta toleransi. Keanjalan penggunaan bahasa ini membolehkan semua peserta mengikuti kandungan program dengan efektif, mengelakkan salah faham dan menyokong keharmonian serta perpaduan dalam masyarakat majmuk.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan penggunaan bahasa Mandarin oleh MACMA bukan sahaja berkesan dalam menyampaikan dakwah, tetapi juga berperanan sebagai medium komunikasi yang menyokong interaksi sosial, memperkukuh hubungan silaturahim, memelihara identiti budaya serta meningkatkan pemahaman terhadap ajaran agama dalam kalangan Cina Muslim dan komuniti Cina bukan Muslim.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

## Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Fuad, Z. (2015). Pendekatan Dakwah Melalui Seni Oleh Shaykh Muim Al-Wahhab. *Jurnal Pengajian Islam*. 8 (3) (Ek), 1-19.
- Laman Sesawang MACMA <https://macma.my> (akses pada 2 Januari 2026).
- Nur Aisyah Abu Hassan, Phayilah Yama (2018). Mempelajari Bahasa Asing Menurut Hadith: Kupasan Kepentingan Pembelajaran Bahasa Asing Menurut Al Quran dan Hadith. Kertas kerja dibentangkan di The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2018 (THIQAHA 2018) pada 7 Mac 2018 di ILIM, Bangi.
- Nur Aisyah Abu Hassan, Safinah Ismail, Aemy Elyani Mat Zain, Siti Zahidah Mual (2019). Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Oleh Gerakan-gerakan Dakwah: Sumbangan dan Peranannya di Malaysia. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Roslieza Rosli & Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah. 2015. Peranan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan Terhadap Pembangunan Modal Insan Muallaf: Tinjauan Awal, Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Mahasiswa

- Internasional Serentak Lima Fakulti. Tema Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2016). 11 April 2016. Fakulti Syariah dan Hukum. Universiti Islam Negeri Aceh Ar-Raniry (UINAR).
- Safinah Binti Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, Aemy Elyani Mat Zain, Nur Damia Husna Nor Sad, Siti Zahidah Mu'al (2021). Bahasa Mandarin Sebagai Medium Dakwah: Kajian Terhadap Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). *Sains Insani*, Vol. 06, No. 3, 116 - 127.
- Zulaikha Farhana et. al. 2015. Halangan Dan Cabaran Dakwah Kepada Saudara Baru di Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA). *Kertas Kerja Bicara Dakwah Kali Ke-16*. Universiti Kebangsaan Malaysia.